



SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK

BILANGAN 2 TAHUN 2021

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PdP SECARA HIBRID
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Bahagian Hal Ehwal Akademik
16 Februari 2021

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

16 Februari 2021

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK **BILANGAN 2 TAHUN 2021**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PDP SECARA HIBRID **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-198 Bilangan 2/2021 yang bersidang pada 16 Februari 2021 telah bersetuju dengan Garis Panduan Pelaksanaan PdP Secara Hibrid Universiti Pendidikan Sultan Idris.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Teks Perutusan YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi sempena Majlis Amanat YB Menteri KPT Tahun 2021 (7 Januari 2021) ada menyatakan bahawa penyesuaian modul pembelajaran dan kaedah penilaian sedia ada dengan persekitaran digital selain menganjak minda untuk mendakap norma baharu PdP ini perlu dilaksanakan.

2.2 Kebenaran kemasukan pelajar ke IPT secara fizikal adalah bagi membolehkan pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara hibrid, iaitu secara bersemuka dan dalam talian. Keputusan ini selari dengan hasrat kerajaan untuk memastikan kualiti Pendidikan tinggi negara terjamin.

3.0 KEPUTUSAN SENAT

- 3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan PdP Secara Hibrid Universiti Pendidikan Sultan Idris seperti di Lampiran A.

4.0 TARIKH KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada 16 Februari 2021.

PUAN SUHAILA SIDEK

Ketua Bahagian Hal Ehwal Akademik

Tarikh: 16 Februari 2021

LAMPIRAN A

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PDP SECARA HIBRID UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1.0 DEFINISI PELAKSANAAN PdP SECARA HIBRID

Pelaksanaan PdP secara hibrid ini adalah merujuk kepada pelaksanaan PdP di UPSI secara bersemuka dan/ atau secara dalam talian di peringkat program, kursus dan/ atau kuliah mingguan.

2.0 CADANGAN TIGA KATEGORI PELAKSANAAN PdP SECARA HIBRID

Cadangan tiga peringkat pelaksanaan PdP secara hibrid bagi melaksanakan PdP adalah seperti berikut:

- 2.1 **MAKRO - Pelaksanaan Program** dengan menentukan **kursus-kursus** yang perlu dijalankan secara dalam talian sepenuhnya atau **kursus-kursus** yang perlu dijalankan secara bersemuka sepenuhnya atau **kursus-kursus** yang dijalankan secara pembelajaran teradun.
- 2.2 **MINI - Pelaksanaan kursus** dengan menentukan **topik-topik** yang perlu dijalankan secara dalam talian dan **topik-topik** yang perlu dijalankan secara bersemuka.
- 2.3 **MIKRO - Pelaksanaan kuliah mingguan** yang mempunyai **sebilangan pelajar** belajar secara dalam talian dan sebilangan yang lain dijalankan secara bersemuka (*synchronous*)

3.0 CONTOH PELAKSANAAN PELAKSANAAN PdP SECARA HIBRID

Berikut merupakan contoh-contoh bagi pelaksanaan PdP hibrid mengikut peringkat yang boleh dilaksanakan:

3.1 Peringkat Makro

Dalam satu semester pengajian contohnya Semester 1 Sesi 2020/2021, sebanyak 20 kursus ditawarkan oleh Program X. Daripada 20 kursus tersebut, 14 kursus dijalankan secara dalam talian sepenuhnya dan 6 kursus dijalankan secara bersemuka sepenuhnya.

3.2 Peringkat Mini

Bagi satu kursus contohnya Kursus A bagi Semester 1 Sesi 2020/2021, sebanyak 10 topik dirancang di dalam Pro Forma. Daripada 10 topik tersebut, 7 topik dijalankan secara dalam talian dan 3 kursus dijalankan secara bersemuka.

3.3 Peringkat Mikro

Bagi satu-satu kuliah mingguan yang dijalankan terdapat sebahagian pelajar belajar secara dalam talian dan sebahagian lagi belajar secara bersemuka. Contohnya bagi kuliah mingguan Kursus B, terdapat 40 pelajar yang mendaftar bagi kursus tersebut. Semasa sesi kuliah mingguan, seramai 15 orang pelajar hadir bersemuka di bilik kuliah dan seramai 25 orang pelajar hadir di dalam talian secara segerak (*synchronous*).

4.0 PEMBELAJARAN TERADUN DAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN

- 4.1 Pembelajaran Teradun Gantian merupakan gabungan mod pembelajaran konvensional dan mod pembelajaran dalam talian. Ini bermakna kursus yang mempunyai campuran pendekatan pembelajaran dalam talian dan pembelajaran bersemuka dengan 30% - 79% bagi kandungan, aktiviti dan pentaksiran dengan merujuk kepada Dasar ePembelajaran Negara (DePAN) 2014 dan MQA.
- 4.2 Bersandarkan intipati bagi pelaksanaan DePAN Fasa 2 (2015-2020), sasaran sekurang-kurangnya 50% dari semua kursus yang ditawarkan dan sebanyak 10% pentaksiran perlu dikendalikan dan dilaksanakan dalam bentuk mod pembelajaran teradun oleh setiap Universiti Awam (UA).
- 4.3 Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) dijalankan pada minggu kuliah bagi sesuatu semester yang telah dirancang dan tertakluk sepenuhnya kepada rancangan pengajaran yang telah ditetapkan pelaksanaan PTG. UPSI boleh juga memberi fleksibiliti untuk sebarang perubahan pengajaran mengikut kesesuaian.
- 4.4 PTG boleh dijalankan secara dalam talian mengikut format *synchronous* (segerak) menggunakan bahan pengajaran yang disampaikan secara interaktif dan masa-nyata atau *asynchronous* (tidak segerak) di mana bahan pengajaran dibangunkan lebih awal dan interaksi secara masa-nyata tidak semestinya berlaku. Penilaian seperti ujian, kuiz dan tugas boleh dijalankan secara dalam talian dengan menetapkan kriteria seperti tarikh, waktu dan juga bilangan cubaan menyelesaikan soalan.
- 4.5 Rekod kehadiran pelajar boleh digantikan dengan rekod penglibatan dan pencapaian pelajar melalui penglibatan aktiviti PdP seperti forum dan penilaian secara dalam talian bagi kursus yang berkaitan. Rekod penglibatan dan pencapaian pelajar ini sewajarnya didokumentasikan secara sempurna bagi mana-mana tujuan yang berkaitan. Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) diterangkan seperti dalam **Jadual 1** di bawah;

Jadual 1: Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (MEIPTA, 2019)

Elemen bagi Pelaksanaan PTG	Penerangan
Bahan PdP (40%)	Bahan PdP yang pelbagai seperti: <ul style="list-style-type: none"> ● Rakaman video (<i>recorded video</i>) ● Rakaman audio (<i>podcast, narration</i>) ● Rakaman skrin (<i>screencast</i>) ● Persembahan berbentuk penceritaan (<i>narrated presentation</i>) ● Animasi dan Perisian Web 2.0 seperti <i>Powtoon, Prezi, iSpring</i> ● Simulasi atau Realiti Maya, <i>Virtual Reality (VR)</i> atau Realiti Luasan, <i>Augmented Reality (AR)</i> atau Realiti Tergabung, <i>Mixed Reality (MR)</i> ● Syarahan dalam/luar kelas (<i>classroom lecture</i>) ● Kandungan interaktif seperti : ThingLink, Perisian Multimedia ● Video temu bual (<i>interview video</i>) ● Video praktikal/makmal (<i>practical/laboratory video</i>) ● Rakaman lawatan industri (<i>industry visit video</i>)
Aktiviti PdP (40%)	<ul style="list-style-type: none"> ● Aktiviti boleh dilaksanakan secara fleksibel pada minggu kuliah yang telah dipilih mengikut rancangan mengajar / Proforma / Skema Kerja. ● Dicapadangkan aktiviti ini dilaksanakan sebelum / selepas bahan pengajaran disampaikan kepada pelajar.
Pentaksiran (20%)	<ul style="list-style-type: none"> ● Dijalankan sepenuhnya dalam talian

5.0 CARA PELAKSANAAN PdP SECARA HIBRID PADA PERINGKAT MIKRO

Bagi memastikan pelaksanaan PdP secara hibrid pada peringkat mikro dapat dilaksanakan dengan lancar, kesemua peringkat pengurusan terutamanya kakitangan akademik, ICT dan pentadbir di fakulti perlu membuat persediaan bagi perkara-perkara berikut:

6.0 PERSEDIAAN KAKITANGAN AKADEMIK

- 6.1 Penglibatan Pelajar yang hadir secara online perlu diletak dalam kumpulan yang sama dengan pelajar yang hadir secara bersemuka (F2F) untuk melaksanakan tugas.
- 6.2 Paparan pelajar secara bersemuka perlu sama dengan paparan bagi pelajar secara dalam talian. Contohnya:
Whiteboard yang digunakan oleh pensyarah semasa PdP mesti dapat dilihat oleh pelajar dalam talian.

- 6.3 Boleh menggunakan *tools* untuk menggantikan papan putih dalam bilik kuliah seperti *whiteboard* dalam *Google Meet* atau *PowerPoint*.

7.0 PERSEDIAAN ICT

- 7.1 Mencadangkan untuk memasang (*install*) kamera/ *webcam* pada komputer dalam dewan/ bilik kuliah. Kamera tersebut akan fokus kepada pensyarah dan skrin paparan pada layar mesti sama dengan paparan dalam talian.
- 7.2 Juruteknik makmal perlu diberi latihan untuk membantu pensyarah di dalam kelas semasa proses PdP.

8.0 PERSEDIAAN PENTADBIR FAKULTI

- 8.1 Cadangan untuk fakulti membeli peralatan PdP dalam talian seperti robot dan sebagainya untuk kegunaan pensyarah melaksanakan PdP.
- 8.2 Mencadangkan untuk memasang (*install*) kamera / *webcam* pada komputer dalam dewan / bilik kuliah. Kamera tersebut akan fokus kepada pensyarah dan skrin paparan pada layar mesti sama dengan paparan dalam talian.
- 8.3 Juruteknik makmal perlu diberi latihan untuk membantu pensyarah di dalam kelas semasa proses PdP.
- 8.4 Fakulti perlu menyediakan peralatan (*device*) sendiri untuk menyokong PdP secara hibrid.
- 8.5 Cadangan untuk fakulti menyediakan kemudahan *writing tablet* di dalam setiap dewan / bilik kuliah / makmal untuk menyokong PdP secara hibrid.

9.0 TIPS PELAKSANAAN PdP SECARA HIBRID PADA PERINGKAT MIKRO

- 9.1 Jangan takut untuk merancang semula.
- 9.2 Gunakan peralatan dan teknologi bagi aktiviti PdP dalam talian.
- 9.3 Berikan pilihan pembelajaran mudah alih.
- 9.4 Bersikap terbuka terhadap maklum balas.
- 9.5 Jangan terlalu membebankan pelajar dengan tugas dalam talian (perlu mengikut SLT dalam ProForma).
- 9.6 Gabungkan PdP secara dalam talian dan secara bersemuka (hibrid).
- 9.7 Sentiasa berkomunikasi dan merujuk dengan komuniti yang mengamalkan PdP secara hibrid.

9.8 Berkongsi petua pengurusan diri dan masa kepada pelajar.

10.0 SENARAI SEMAK PdP SECARA HIBRID PADA PERINGKAT MIKRO

Berikut adalah senarai bagi senarai semak mikro yang perlu diteliti:

10.1 Pertimbangan Pengurusan/ Pensyarah

No.	Item	Sila Tandakan (/)
1.	Bilangan pelajar yang hadir kuliah bersemuka	
2.	Bilangan pelajar yang hadir secara dalam talian	
3.	Adakah pensyarah boleh mengajar dari dewan kuliah atau rumah	
4.	Adakah berlaku pertukaran pelajar yang perlu hadir bersemuka dan berapa kerap perubahan pertukaran berlaku? Adakah perlu wujudkan penjadualan pelajar?	
5.	Apakah peralatan/ perisian/ aplikasi/ LMS yang diperlukan untuk membangunkan kandungan kursus dan platform untuk berkongsi kandungan kursus dengan pelajar? (<i>MyGuru/Google Classroom</i> dan lain-lain).	
6.	Bagaimana pelajar akan dinilai? (Projek/ Kuiz/ Ujian/ Tugas dan lain).	
7.	Tentukan apa aktiviti yang sesuai bagi pembelajaran secara segerak dan bersemuka.	
8.	Tentukan apa aktiviti yang sesuai bagi pembelajaran secara dalam talian.	

10.2 Pertimbangan Peralatan dan Teknologi

No.	Item	Sila Tandakan (/)
1.	Perisian <i>video conferencing</i>	
2.	Perkakasan <i>video conferencing</i>	
3.	Skrin Monitor, TV atau <i>projector</i>	
4.	LMS (<i>Myguru/Google Classroom</i>)	
5.	<i>Assessment tools</i>	
6.	<i>Virtual collaboration tools</i>	

10.3 Pertimbangan Teknologi Maklumat

No.	Item	Sila Tandakan (/)
1.	Adakah bilik kuliah sesuai dengan pelaksanaan PdP secara Hibrid.	
2.	Adakah pensyarah mahir menggunakan teknologi dan peralatan PdP secara Hybrid.	
3.	Adakah pelajar mempunyai peralatan yang diperlukan untuk pembelajaran secara jarak jauh (komputer peribadi/ komputer riba/ <i>tablet</i> / peralatan pintar / wifi/ data mobil bagi penyambungan internet).	
4.	Bagaimana untuk membantu menyelesaikan masalah teknikal yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar?	
5.	Mengenal pasti masalah yang akan dihadapi oleh pensyarah dan pelajar bagi pelaksanaan PdP secara Hibrid	
6.	Mengekal pasti individu yang boleh dihubungi jika berlaku masalah oleh pensyarah dan pelajar	

11. PERKARA PENTING UNTUK PENAMBAHAN BAGI PELAKSANAAN PdP SECARA HIBRID

Berikut merupakan perkara penting untuk penambahan bagi pelaksanaan PdP secara hibrid:

- 11.1 Mencadangkan agar pensyarah merakam PdP dan diberikan awal rakaman tadi kepada pelajar. Aktiviti perbincangan dan soal jawab akan berlangsung pada masa kuliah. Aktiviti perbincangan dan soal jawab ini boleh menggunakan medium yang paling sedikit penggunaan data internet seperti aplikasi *Telegram* atau *Whatsapp* dan lain-lain untuk pembentangan hasil.
- 11.2 Mencadangkan agar latihan kepada pensyarah cara menggunakan *Powerpoint* untuk PdP, *Discord*, *Google Classroom*, *Google Drive*, *Wakelet*, *Google meet* (aplikasi untuk merakam PdP) dan lain-lain aplikasi yang diperlukan pensyarah untuk pelaksanaan PdP. Pelaksanaan kursus ini akan dianjurkan oleh BSM.
- 11.3 Mencadangkan untuk naik taraf MyGuru (*Cooperative Learning*) seperti mengadakan bilik perbincangan berkumpulan (*create discussion group/room*) bagi membolehkan perbincangan dalam kalangan pelajar.

- 11.4 Jadual kuliah pelajar dikekalkan 3 jam. Pensyarah perlu kreatif untuk merekabentuk sesi pengkuliahan untuk menjadikan ia satu sesi penglibatan aktif para pelajar.
- 11.5 Isu – isu berkaitan dengan *Blended Learning (BL)* perlu diambil kira sewaktu merancang PdP.
- 11.6 Bagi modul FA, perlu penetapan tempoh dan masa untuk pelajar menjawab soalan.